



GAMBAR tular menunjukkan seekor harimau kumbang berlegar-legar di pekarangan UiTM, Kuala Pilah bulan lalu.

Perlu kajian kenal pasti populasi harimau kumbang **Keluar cari makanan**

Oleh **NOR AINNA HAMZAH**

SEREMBAN – Kurangnya sumber makanan di habitat asal selain jumlah populasi manusia di persekitaran yang semakin mengecil menjadi punca kehadiran seekor harimau kumbang di kawasan kampus Universiti Teknologi Mara (UiTM), Kuala Pilah di sini bulan lalu.

Pensyarah Kanan Pengurusan Hidupan Liar, Jabatan Sains Prakilinikal Veterinar, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr. Tengku Rinalfi Putra Tengku Azizan berkata, kekurangan sumber makanan antara lain berpunca daripada habitat haiwan itu sendiri yang semakin kecil selain tiadanya haiwan buruan untuk dijadikan makanan.

Katanya, faktor kurangnya populasi manusia di dalam kampus pula adalah berpunca daripada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan kerajaan sejak Mac lalu sehingga membolehkan harimau kumbang memasuki kawasan penempatan manusia tanpa sebarang gangguan atau halangan.

“Penyakit berkaitan saraf seperti canine distemper virus seperti yang ditemui pada harimau belang (kes Awang Besul) yang mungkin telah menular ke haiwan lain juga dikesan menjadi faktor penyumbang mengapa harimau kumbang tersebut keluar



KERATAN Kosmo! 11 Ogos 2020.

dari habitatnya.

“Faktor penyakit ini bagaimanapun memerlukan kajian dan survei segera kerana ia berkait rapat dengan kesihatan ekosistem yang secara tidak langsung mempengaruhi hubungan antara manusia dan hidupan liar,” katanya kepada *Kosmo!* di sini kelmarin.

Tengku Rinalfi berkata, secara umumnya, seperti yang dilaporkan pada tahun lalu oleh SY Chew dalam *Malayan Nature Journal*, populasi harimau kumbang di Semenanjung Malaysia setakat ini dianggarkan sekitar 500 hingga 700 ekor.

Bagaimanapun, katanya, setakat ini tiada data spesifik berkenaan populasi sebenar harimau kumbang di negara yang habitatnya terdapat di hutan dara seluruh Semenanjung.

“Tiada kajian spesifik yang dilakukan khusus untuk harimau kumbang, namun ada keperluan untuk kajian ini. Antara keka-

ngan utama bagi kajian populasi atau konservasi hidupan liar ialah faktor dana.

“Kelulusan dana untuk menjalankan kajian berkenaan pemuliharaan hidupan liar biasanya tidak mendapat perhatian secukupnya kerana output kajian tidak membawa sebarang keuntungan komersial,” katanya.

Beliau menambah, output berkenaan status hidupan liar berkait rapat dengan kesihatan ekosistem yang secara tidak langsung mempengaruhi hubungan antara manusia dan hidupan liar.

“Banyak yang boleh diperoleh daripada kajian ini antaranya pemahaman serta penyelesaian konflik hidupan liar dan manusia, kepupusan spesies-spesies penting dan yang terbaharu, penyakit zoonotik seperti rabies dan Covid-19,” katanya.

Kosmo! baru-baru ini melaporkan mengenai kebimbangan penduduk Kampung Mara Parit Tinggi ekoran kehadiran seekor harimau kumbang yang dikesan berada di pekarangan kampus UiTM Kuala Pilah.

Terdahulu, pada 25 Julai lalu, *Kosmo!* melaporkan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Negeri Sembilan telah memasang satu unit perangkap bagi menangkap seekor harimau kumbang yang berlegar di UiTM Kuala Pilah.